



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 DISEMBER 2023 (JUMAAT)

Anjing liar ganggu ketenteraman orang ramai

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	31	8 Dis

Anjing liar ganggu ketenteraman orang ramai

KULIM: Peniaga dan orang awam di Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech, di sini mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) mengatasi masalah anjing liar yang mengganggu ketenteraman mereka.

Mereka mendakwa, terdapat beberapa kes anjing liar bersaiz besar di kawasan itu menyalak sehingga menakutkan peniaga dan pelanggan terutama wanita dan kanak-kanak.

Peniaga, Youhanicky Yahya, 52, berkata, terdapat kira-kira lima ekor anjing yang sering berkeliaran dan tidur di sekitar kaki lima kedai dan lorong-lorong di kawasan perniagaan itu.

"Empat tahun lebih kami berniaga di kawasan ini, memang sudah ada anjing liar tetapi tidak memberi masalah sangat, malahan anjing kurap tidak mendekati orang ramai dan jarang membunuh kucing jalanan.

"Namun sejak sebulan ini muncul sekumpulan empat

ekor anjing liar di kawasan ini yang rasanya dibuang pihak lain kerana keadaannya sihat serta berbulu cantik," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurut Youhanicky, empat ekor anjing liar terbabit dilihat sentiasa bergerak dalam kumpulan dan sering merosakkan barangan hiasan serta peralatan yang ditinggalkan di luar kedai.

Ujarnya, ada ketikanya anjing itu mengekori orang ramai yang meletak kenderaan di kawasan parkir sehingga menimbulkan ketakutan kepada mereka.

Tambahnya, dia sudah membuat laporan kepada PBT baru-baru ini dan berharap masalah itu dapat diselesaikan secepat mungkin supaya perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Sementara itu seorang penduduk berhampiran, Adam Irfan, 23, berkata, dia pernah dikejar oleh kumpulan anjing liar itu ketika hendak menolak keretanya yang rosak di kawasan parkir.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR